

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI PERAYAAN HARI ULANG TAHUN UMNO YANG KEDUA PULUH PADA 11HB MEI, 1966.

Pada hari yang berbahagia ini - 11 Mei, 1966 — UMNO genap umur 20 tahun dan pada hari ini juga Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah genaplah 15 tahun pimpinannya sebagai Yang di-Pertua UMNO.

UMNO adalah sebuah parti yang terbesar dan terpengaruh sekali di tanah air kita pada hari ini dan parti yang berdasarkan demokrasi yang tertua sekali di Asia ini, selain daripada Parti-Kongres di India. UMNO telah dilahirkan pada 11 Mei 1946 dengan tujuan yang pertama iintuk menentang Malayan Union. Malayan Union telah dianjur dan dipaksa oleh Kerajaan British kepada orang-orang Melayu dengan tujuan hendak menjadikan Negeri-negeri Melayu yang bernaung di bawah Kerajaan British kepada tanah jajahannya. Pertubuhan-pertubuhan Melayu pada masa itu sama ada pertubuhan politik atau lain-lain telah mengadakan satu kongres pada bulan Mach, 1946 di Sultan Sulaiman Kelab, Kuala Lumpur. Di kongres ini wakil-wakil telah mengambil ketetapan membantah dan menentang dengan kerasnya Malayan Union dan telah ber-setuju hendak menubuhkan satu badan yang tetap bagi mengarahkan kerja-kerjanya dan badan tetap ini akhirnya telah menjadi UMNO.

Disebabkan oleh tentangan oleh UMNO, Malayan Union telah roboh dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu atau Federation of Malaya. Ini adalah satu kemenangan yang besar bagi UMNO dan kerana ini nama UMNO telah menjadi harum dan pengaruh UMNO telah bertambah besar dan UMNO dihormati bukan sahaja oleh orang-orang Melayu bahkan oleh semua penduduk-penduduk di Malaya pada masa itu. Akan tetapi pada tahun 1951 telah timbul perselisihan faham di kalangan UMNO disebabkan Allahyarham Dato' Onn bin Ja'afar, Yang di-Pertua UMNO pada masa itu, tidak lagi mempunyai pendapat-pendapat dan fikiran yang sama dengan ahli-ahli biasa UMNO. Dengan sebab itu Allahyarham Dato' Onn telah meninggalkan UMNO pada bulan

Ogos, 1951 dan menubuhkan sebuah parti yang baharu yang dinamakan PARTI KEMERDEKAAN MALAYA.

Setelah Dato' Onn keluar dari UMNO, mustahaklah UMNO mencari seorang tokoh untuk menggantikannya sebagai Yang di-Pertua UMNO. Dua tiga orang pemimpin-pemimpin UMNO pada masa itu, dan saya sendiri menjadi Ketua Pemuda UMNO, telah berpendapat mustahak UMNO diteruskan sebagai satu pertubuhan yang mempunyai sokongan yang kuat daripada orang-orang Melayu. Oleh itu kami sekalian telah meminta Y.T.M. Tunku Abdul Rahman, yang terkenal sebagai seorang yang sangat jujur, ikhlas dan mempunyai sifat-sifat penganjur yang dikehendaki, menjadi Yang di-Pertua UMNO. Tunku Abdul Rahman pada masa itu sedang berkhidmat di Pejabat Peguam Negara dan beliau telah bersetuju menerima jawatan sebagai Yang di-Pertua UMNO.

Pertukaran pucuk pemimpin UMNO ini telah membawa perubahan yang besar kepada UMNO dan telah menukar sejarah Tanah Melayu. Di bawah pimpinan Tunku, UMNO telah menjadi sebuah parti yang besar dan yang berpengaruh, disokong dengan hebatnya oleh orang-orang Melayu. Seruan UMNO pada masa itu "Hidup Melayu", telah ditukar kepada "Merdeka".

Setelah mengambil alih pimpinan UMNO, Tunku, sebagai seorang penganjur yang jujur, telah sedar dan insaf bahawa jika Malaya hendak mencapai kemerdekaan mustahaklah UMNO mendapat sokongan yang penuh daripada bangsa-bangsa asing yang tinggal di Malaya. Bagi mencapai maksud ini, Tunku dengan mendiang Tun Tan Cheng Loke dan pemimpin yang lain telah menubuhkan Parti Perikatan - UMNO, MCA dan MIC.

Setelah Perikatan ditubuhkan, Perikatan telah memenangi pilihanraya-pilihanraya majlis bandar dan munisipal dengan cemerlangnya dalam tahun 1952 dan 1954. Dengan kejayaan ini Kerajaan British telah sedar akan kekuatan Parti Perikatan dan diatas desakan UMNO, telah bersetuju mengadakan pilihanraya umum kebangsaan pertama kalinya di Malaya pada bulan Julai, 1955. Dalam pilihanraya itu Parti Perikatan telah menang 51 daripada 52 buah kerusi yang dipertandingkan; satu kerusi telah dimenangi oleh Parti Islam se-Malaya. Parti-parti yang lain, termasuk Parti Negara yang dipimpin oleh Dato' Onn telah gagal dan tidak menang satu kerusi

pun. Dengan kemenangan yang gilang gemilang ini oleh Perikatan, Kerajaan British telah bersetuju mengadakan perunding-perunding dengan wakil-wakil Perikatan dan Raja-raja Melayu untuk menentukan tarikh kemerdekaan bagi Tanah Melayu dan telah bersetuju yang Tanah Melayu diberi kemerdekaan pada 31 Ogos, 1957.

Semenjak kemerdekaan, Parti Perikatan bukan sahaja telah dapat mentadbirkan negara ini dengan baik dan dengan adil terhadap semua pihak, tetapi telah dapat pula mengamankan Malaya dengan menamatkan darurat pada bulan Julai, 1960. Begitu juga Kerajaan Perikatan telah dapat mejalankan dasar ekonomi yang liberal dan praktikal dan dengan itu dapat membawa kemajuan bukan sahaja di bandar-bandar bahkan terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar. Kerajaan Perikatan telah berjaya melancarkan rancangan pembangunan luar bandar dengan besar-besaran untuk memberi perubahan-perubahan nasib kepada rakyat yang dahulunya tertinggal dan terbiar. Dan lagi Parti Perikatan dapat mengamalkan dasar persahabatan dan saling mengerti di antara kaum-kaum yang duduk di negara ini. Dan dengan itu dapat meletakkan satu asas yang kuat untuk melahirkan satu bangsa yang bersatu padu yang mempunyai taat setia kepada negara kita.

Dalam masa 20 tahun usia UMNO adalah menunjukkan zaman yang sangat bersejarah dan gilang gemilang bagi UMNO. UMNO telah memainkan peranan yang penting bagi menukar sejarah dan untung nasib negara kita Malaya dan sekarang Malaysia. UMNO, sebagai sebuah parti yang mendukung Kerajaan Perikatan bersama-sama dengan MCA dan MIC, patutlah berasa megah dengan kejayaan Kerajaan Perikatan menjadi negara kita Malaysia ini satu negara yang terkenal bukan sahaja di Tenggara Asia bahkan di antara bangsa-bangsa di dunia. UMNO berjaya kerana UMNO mempunyai dasar yang jujur, liberal dan realistik.

Bagi mengambil sempena hari yang berbahagia ini, saya suka bercakap sedikit berkenaan dengan peranan UMNO pada masa yang akan datang. Peranan UMNO yang penting sekali ialah mendukung Kerajaan Perikatan yang ada sekarang ini dengan menyatupadukan orang-orang Melayu. Mustahaklah UMNO, bersama-sama dengan MCA dan MIC, berusaha memperkuatkan lagi semangat persahabatan dan muhibah dan baik sangka di antara kaum-kaum yang tertinggal di Malaysia ini. Iriilah dasar yang sangat penting dan mustahak

untuk menjamin keselamatan dan keamanan dan kemakmuran negara kita.

Saya sendiri yakin bahawa hanya dengan kerjasama yang baik di antara bangsa-bangsa yang duduk di negara kita ini, dapat kita menjamin kejayaan Malaysia pada masa yang akan datang.

Dan lagi UMNO kuat kerana pemimpin-pemimpinnya jujur dan ikhlas. Mereka jujur bukan sahaja kepada rakyat tetapi mereka juga mempunyai perasaan yang jujur dan taat setia di antara satu sama lain. Ketua-ketua UMNO sentiasa bersedia dan berazam hendak berkhidmat dan bekerja untuk kepentingan bangsa dan negara. Dan lagi UMNO adalah parti yang berdasarkan demokrasi dan disebabkan amalan demokrasi ini ahli-ahli UMNO di semua peringkat ada mengambil bahagian yang sempurna untuk menentukan dasar-dasar yang diperjuangkan oleh UMNO. Dan lagi pemimpin-pemimpinnya sentiasa mempunyai perhubungan yang rapat dan mesra dengan rakyat, khasnya dengan ahli-ahli UMNO. Mereka sentiasa sedar akan cita-cita dan hasrat-hasrat rakyat. Dengan cara yang semacam inilah perjalanan UMNO sentiasa licin, bersih dan baik.

Sebagai sebuah parti yang besar dan berpengaruh, UMNO tidak dapat tiada terpaksa menghadapi cabaran dan masalah-masalah dan mustahaklah kita hadapi perkara-perkara ini dengan berani dan dengan tabah hati. Sungguhpun UMNO telah mendapat kejayaan yang gilang gemilang pada masa 20 tahun yang lampau, tetapi masih ada banyak lagi cita-cita dan kehendak-kehendak UMNO yang belum tercapai dan tugas-tugas ini mustahaklah dilaksanakan. Saya yakin dan percaya dengan sokongan daripada orang-orang Melayu yang kuat kepada UMNO tujuan-tujuan dan cita-cita UMNO itu akan terus tercapai.

Peranan dan tanggungjawab UMNO yang besar pada masa yang akan datang ialah untuk menyatupadukan orang-orang Melayu dan ahli-ahli bumiputera di bawah satu panji-panji. Adalah menjadi tanggungjawab UMNO untuk menolong Kerajaan menjalankan ikhtiar-ikhtiar bagi memperbaiki taraf hidup rakyat bumiputera dan memberi mereka itu tempat yang sempurna dalam masyarakat Malaysia. Dengan memperbaiki taraf ekonomi bumiputera, mustahaklah juga mencari ikhtiar bagi menukar cara berfikir, sikap dan

pandangan rakyat bumiputera supaya sesuai dengan zaman pembangunan di negara yang merdeka ini. Mustahaklah ahli-ahli bumiputera semua dididik dan digalakkan untuk mengambil bahagian yang penuh dalam dan menggunakan dengan sepenuhnya peluang-peluang yang terbuka dengan luasnya dalam negara kita yang merdeka ini untuk mereka itu mendapat satu taraf hidup yang sempurna dan masyarakat yang adil.

Inilah kewajiban-kewajiban UMNO yang penting dan marilah kita membaharui azam untuk bekerja dengan jujur dan ikhlas bagi mencapai cita-cita dan tujuan-tujuan kita. Kekuatan UMNO pada masa akan datang adalah bergantung kepada kehasilan cita-cita ini. Saya yakin cita-cita ini akan dapat dilaksanakan dan dengan itu masa hadapan bagi UMNO adalah cerah dan cemerlang.

Saya menyeru tuan-tuan semua ahli-ahli UMNO supaya terus menerus taat setia kepada parti, kepada cita-cita dan tujuan-tujuan parti dan kepada pucuk pemimpin kita. Begitu juga saya berseru kepada ahli-ahli UMNO dan seterusnya kepada ahli-ahli bumiputera supaya menguatkan fahaman saling mengerti dan muhibah dengan penduduk-penduduk yang lain yang telah menjadi warganegara Malaysia ini. Saya berharap kepada rakan-rakan UMNO daripada orang-orang bukan Melayu supaya bekerjasama dengan UMNO untuk mencapai cita-cita UMNO itu. Begitu juga saya berseru supaya pemimpin kebangsaan kita yang ikhlas dan sederhana pada hari ini diberi pertolongan kerana hanyalah dengan ada pimpinan seperti itu dapat kita menjamin keamanan dan ketenteraman Malaysia pada masa akan datang. Jika pimpinan yang ikhlas dan sederhana yang ditunjukkan oleh UMNO pada hari ini gagal maka tidak dapat tidak Malaysia akan menghadapi mala petaka yang besar. Jika ini berlaku, harapan negara kita pada masa yang akan datang adalah buntu dan gelap. Oleh itu bagi kepentingan dan kemajuan kita bersama, saya berseru kepada rakyat Malaysia daripada semua bangsa supaya bersama-sama menyokong pucuk pimpinan yang sederhana yang ada pada hari ini kerana hanya dengan jalan ini sahaja dapat kita menjamin keamanan, kebahagiaan dan kemakmuran negara kita yang dikasihi, Malaysia ini.

Selamat malam - terima kasih - MERDEKA.